

GST: Rakyat perlu berdisiplin dalam berbelanja

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Pengguna dijangka akan lebih mengambil konsep 'tunggu dan lihat' sehingga cukai barang dan perkhidmatan (GST) dilaksanakan pada April depan serta berbelanja dengan berhati-hati dan selektif.

Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Mohamad Fazli Sabri berkata, pada masa sama, berkemungkinan tahap simpanan isi rumah sedikit menurun sehingga pengguna boleh membiasakan diri dengan pelaksanaan GST dan merancang perbelanjaan dengan baik.

Bagaimanapun, katanya, pelaksanaan sistem cukai itu bukanlah faktor utama yang menyumbang kepada tingkah laku perbelanjaan isi rumah sebaliknya terdapat faktor-faktor lain terutama gaya hidup dan pengaruh iklan yang menawarkan pelbagai jualan murah.

"Tidak adil untuk menyatakan bahawa hanya GST sahaja yang mempengaruhi pola perbelanjaan pengguna yang berlebihan berbanding kebiasaan. Kita perlu melihat kepada faktor lain dan spekulasi kenaikan harga barang dan perkhidmatan yang mula dicanangkan lebih awal sebelum GST dilaksanakan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, baru-baru ini.

Mengikut Laporan Trading Economics, purata kadar inflasi Malaysia adalah sekitar 3.71 antara 1973 sehingga 2014 dan kadar inflasi semasa pada Oktober ialah 2.8, manakala Indeks Harga Pengguna (IHP) semasa yang dicatatkan adalah 111.3. Perbandingan IHP pada Oktober dilakukan untuk 2012 sehingga 2014 bagi 12 kumpulan barang dan perkhidmatan.

Secara umumnya, IHP bagi lapan kumpulan barang dan perkhidmatan mengalami peningkatan dan paling ketara dapat dilihat ke atas enam kumpulan utama iaitu makanan dan bukan minuman keras, perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api, kesihatan, pengangkutan, pendidikan serta restoran dan hotel.

Sehubungan itu, menurut beliau, berdasarkan statistik tersebut, dijangkakan pelaksanaan GST pada 2015 akan mempengaruhi perbelanjaan isi rumah.

"Tambah pula sebelum dilaksanakan lagi kita sering mendengar keluhan daripada pengguna dan

info

TIPS MENGURUSKAN KEWANGAN

- > Menyimpan secara konsisten dalam amaun yang sesuai dengan kemampuan seseorang.
- > Peruntukkan sebahagian pendapatan untuk diri sendiri terlebih dahulu.
- > Simpanan kecemasan antara tiga hingga 12 bulan pendapatan kasar.

orang ramai bahawa harga barang dan perkhidmatan akan meningkat. Ramai yang menyatakan bahawa kini merupakan masa yang terbaik untuk membuat sebarang pembelian dengan alasan harga akan lebih mahal bermula tahun ini.

"Spekulasi sebegini menyebabkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan mengalami peningkatan. Ini secara tidak langsung mempengaruhi harga sama ada meningkat atau menjadi lebih mahal dan sekiranya ini berlaku sudah tentu akan memberi kesan kepada perbelanjaan," katanya.

Mohamad Fazli menjelaskan, pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan amat penting dalam memastikan kestabilan ekonomi isi rumah dan ia bukan hanya diperolekkan semata-mata disebabkan oleh GST.

"Pengguna tidak perlu panik sehingga menyebabkan mereka

membuat pembelian dan perbelanjaan yang tidak perlu yang akhirnya menyebabkan berlaku pembaziran. Isi rumah dan keluarga perlu menyediakan bajet kewangan keluarga dan perlu disiplin dan bijak dalam berbelanja," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pelaksanaan GST juga mempunyai hikmahnya apabila perkara tersebut mungkin akan mengubah persepsi masyarakat terhadap perkahwinan mewah kepada sederhana sahaja.

"Saya tidak melihat kos perkahwinan boleh meningkat disebabkan faktor GST sahaja. Bagaimanapun, keadaan ini serba sedikit dapat mendorong masyarakat kita khususnya orang Islam supaya mengadakan majlis perkahwinan dengan sederhana tanpa melakukan pembaziran sepertimana yang berlaku ketika ini," ujar beliau.



MOHAMAD FAZLI



Pembangunan negara

Meningkatkan sistem penyara

Mengurangkan kos perniagaan

Mengurangkan kerentanan birokrasi

Meningkatkan taraf hidup

Sumber: JKDM